

PERCEPTION AND BEHAVIOUR ON BLOOD GLUCOSE CONTROL AMONG DIABETIC PATIENT IN KUANTAN DISTRICT, PAHANG ON 1997

PERSEPSI DAN TINGKAH LAKU PESAKIT DIABETES MELLITUS YANG MEMPENGARUHI KAWALAN GLUKOSA DARAH DI DAERAH KUANTAN, PAHANG PADA TAHUN 1997

Adibah Hani Haron, Md. Idris Mohd Nor

ABSTRACT

Diabetes Mellitus is among the leading cause of mortality and morbidity in Malaysia and in other industrialized countries all over the world. Changing life styles has been implicated as the main cause of this disease. A prevalence study has been conducted in Kuantan Hospital and six health clinics in February 1997. The purpose of the study is to identify the perception and behaviour of diabetic patient on blood glucose control. This research is also looking at the relationship between blood glucose control and other risk factors including age, race, sex, income, marital status, type of occupation, degree of easiness to get treatment and duration of disease with the hypothesis that blood glucose control is associated to those factors mentioned. All diabetic patient who came to get treatment from hospital and health clinics at the outpatient department were selected for the study. Criteria used for categorization patients into good and poor control are history of ketoacidosis, examination of urine glucose (in the clinic and house) and follow the date given by medical staff when getting diabetic treatment. Total of three hundred respondents were recruited in this research. The results shown that 89 patients (29.7%) were categorised into good blood glucose control. Blood glucose control is significantly associated with marital status ($p < 0.05$) and behavior ($p < 0.05$) but not with other factors during univariate analysis. Behavior and marital status are the important predictor factors in multivariate analysis.

ABSTRAK

Penyakit Diabetes Melitus masih lagi menjadi salah satu penyebab utama mortaliti dan morbiditi di Malaysia dan negara-negara industri yang lain di dunia. Perubahan cara hidup manusia telah dikaitkan dengan penyakit ini. Satu kajian keratan rentas telah dijalankan di hospital dan enam buah klinik kesihatan di Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur pada Februari 1997. Ia bertujuan untuk mengenalpasti tingkah laku dan persepsi pesakit Diabetes Melitus yang akan mempengaruhi kawalan glukosa darah. Kajian ini juga mencari hubungan antara kawalan glukosa darah dengan faktor-faktor risiko seperti umur, bangsa, jantina, pendapatan, taraf perkahwinan, jenis pekerjaan, kesenangan mendapatkan rawatan, tahap pengetahuan dan lama masa seseorang pesakit mengidap diabetes dengan hipotesis bahawa kawalan glukosa darah mempunyai hubungan dengan faktor tersebut. Semua pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan diabetes melitus di klinik dan hospital bahagian pesakit luar dipilih sebagai sampel. Kriteria yang digunakan untuk mengkategorikan pesakit kepada kawalan baik dan kurang baik berdasarkan sejarah ketoasidosis, kedatangan ke klinik mengikut tarikh temu janji, ujian gula di dalam urin (di klinik) dan menjalankan ujian gula di dalam urin (di rumah). Seramai tiga ratus responden telah menjawab borang soal selidik diisi oleh pembantu penyelidik. Hasil kajian mendapati 89 orang (29.7%) adalah mereka yang mempunyai kawalan glukosa darah yang baik, 211 orang (70.3%) adalah mereka daripada kawalan kurang baik. Kawalan glukosa darah mempunyai hubungan bererti dengan tingkah laku ($p < 0.05$) dan taraf perkahwinan ($p < 0.05$) dalam analisa univariat sementara faktor-faktor yang lain tidak mempunyai hubungan yang bererti. Tingkah laku dan taraf perkahwinan seseorang merupakan faktor peramal yang penting di dalam analisa multivariat.